

Lelongan peralatan komputer PM kutip hampir RM100,000

UM - 6 SEP 2001

Oleh MOHD. RIDZWAN IMAN

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Lelongan barangan pengkomputeran yang pernah digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui laman web www.lelong.com.my berjaya mencapai kutipan hampir RM100,000.

Lelongan itu melibatkan dua kom-

puter peribadi dan dua buah mesin pencetak yang pernah digunakan Perdana Menteri sejak 1991 sehingga 1996 untuk Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) di Pejabat Perdana Menteri.

Tawaran lelongan tertinggi ialah sebanyak RM25,000 untuk komputer Apple Quadra 840 AV yang dimenangi oleh Datuk Shahril Shamsuddin dan juga RM25,000 untuk komputer

Toshiba Laptop T2000SX oleh Datuk Nik Othman Nik Hussein.

Pencetak Apple Laser Writer IIG pula menerima tawaran harga sebanyak RM24,898 oleh Jiro Kazumasa Suzuki dan pencetak NEC Power Mate menerima tawaran sebanyak RM20,000 sebanyak daripada Dr. Mohd. Hishamuddin Harun.

Pengarah Urusan Interbase Resource Sdn. Bhd. (pengendali le-

long.com.my), Richard Tan berkata, lelongan empat barangan komputer itu telah ditutup pada tengah hari ini dan berjaya mengutip kutipan hampir RM95,000.

Selain daripada empat barangan komputer itu, 10 buah buku tulisan Perdana Menteri dengan tandatangan beliau masih dibuka untuk lelongan yang akan ditutup pada 8 September ini.

“Setakat ini, 10 buah buku itu menerima tawaran hampir RM600 dan ia dijangka meningkat sebelum ditutup,” katanya kepada Utusan di sini, hari ini.

Lelongan yang bermula 30 Ogos lepas itu bertujuan untuk mengisi tabung biasiswa pelajar di Universiti Multimedia dan ia diadakan sempena pameran MSC-Multimedia Asia 2001 yang bermula esok.